



Penang Gold Signature Fair – A Project by MIJF

Pameran Perdagangan Gold-Focus Antarabangsa Pertama Dalam Asia Tenggara

PULAU PINANG: Penang Gold Signature Fair (PSG) 2016, merupakan projek dilaksanakan oleh pihak penganjur Malaysia International Jewellery Fair (MIJF), Elite Expo Sdn Bhd akan dijalankan di Pusat Konvensyen Straits Quay, Pulau Pinang, dari 10 hingga 12 Ogos, jam 11 pagi hingga 6 petang.

Elite Expo Sdn Bhd dengan suka citanya mengumumkan Penang Gold Signature Fair (PSG) akan dirasmikan sebagai pameran perdagangan *Gold-Focus* antarabangsa pertama dalam Asia Tenggara dengan kerjasama *P.W. Gold & Silver Ornament Merchants Association* sebagai penganjur bersama. Projek ini dianjurkan di Pulau Pinang yang dikenali sebagai destinasi strategi membeli belah barangan emas disebabkan tempat ini bermulanya dengan kemahiran bertukang emas selama lebih satu abad. Dengan permulaan sebagai pameran emas di Pulau Pinang, PSG 2016 bertujuan untuk menaikkan nama pakar pertukangan emas Malaysia di samping meluaskan potensi negara dalam bidang emas di persada antarabangsa.

Malaysia bermatlamat untuk menjadi antara pembekal emas utama di dunia atas dasar kadar bayaran buruh bagi setiap gram emas cukup rendah berbanding negara lain terutama sekali China. Dengan itu, PSG bercita-cita untuk menjadi pameran perdagangan *Gold-Focus* yang terunggul di Malaysia dan juga di Asia Tenggara dalam memajukan pertukangan emas Malaysia, membolehkan kedua-dua pengusaha dan wakil perniagaan menjalin hubungan rangkaian serta mengurus niaga di sambil mengikuti pandangan terkini industri emas.

Presiden *P.W. Gold & Silver Ornament Merchants Association*, Encik Chiah Hock Yew, berpendapat yang nostalgia terhadap projek ini. Malaysia dikenali sebagai pengeluar dan petukang emas yang stabil di serata dunia, diiringi sejarah perdagangan yang tidak mengecualikan emas. "Lebih daripada 100 tahun, industri barangan emas sentiasa berkembang. Namun begitu, perkembangan industri emas dijejaskan oleh situasi ekonomi yang tidak tertentu. Oleh itu, usaha ini berharap akan membawa pasaran emas Malaysia kembali ke zaman kegemilangan," kata Encik Chiah.

PSG dirasmikan dengan menggayakan barangan emas terkemuka, di *PSG Trade Fashion Show*. Perasmian PSG akan berlangsung pada 10 Ogos pada 11.30 pagi. Ini merupakan pertunjukan fesyen pertama dalam mempamerkan barangan kemas terkini daripada peserta-peserta PSG. Menggayakan



barangan emas yang tersohor, para pedagang akan mendapat pengalaman siaran langsung pertunjukan fesyen barangan emas.

Tambahan pula, pengilang dan pengeluar emas akan dengan setiap pngeluar mempamerkan barangan emas paling berkualiti kepada pedagang dan juga pemborong emas. Satu jemputan yang meliputi serata dunia, pengilang barangan emas semestinya akan membawa barangan terbaik dan berkualiti. Peluang keemasan bagi para pedagang untuk melabur dalam barangan emas berkualiti antarabangsa, dan juga pelbagai jenis gaya barangan emas yang akan dipamerkan, pihak penganjur yakin bahawa para pedagang akan berpuas hati dengan barangan emas tersebut.

Selain dari itu, pihak penganjur juga bangga dengan penyertaan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) dalam satu seminar bertajuk *The Shariah Principle in Gold Business*. Seminar Ar Rahnū Nasional (ForNASIONAL) bertujuan untuk membincangkan industri emas yang berlandaskan Islam, dan juga menjawab segala pertanyaan yang mungkin timbul dalam melibatkan diri dalam industri emas, sambil mematuhi undang-undang Shariah.

Pembeli emas kini boleh mendapatkan pelbagai jenis barangan emas berdasarkan karat berlainan seperti 22K, 21K, 18K, dan sebagainya dalam satu bumbung! Kategori barangan emas lain seperti gelang tangan, kerongsang, rantai leher, cincin, subang, syiling emas, dan bar emas, serta alatan dan mesin, dan apa sahaja yang berkaitan dengan barang perhiasan emas akan dipamerkan. Koleksi barangan emas dari reka bentuk elegan dan klasik, hingga ke model unik dan lain daripada yang lain. PSG sebagai platform untuk memperkenalkan barangan emas yang cantik dan halus dari Malaysia, dan juga menaikkan nama industri barangan kemas tempatan ke peringkat antarabangsa!

###

Untuk maklumat lanjut, hubungi:

Bahagian Perhubungan Awam & Komunikasi,

Ms. Elaine Wong

Elite Expo Sdn. Bhd.

Tel: +6016-560 8074

Emel: elaine@elite.com.my

Laman Web: <http://www.mijf.com.my/penanggold/>